



ARAHAN PERTANDINGAN ACARA INDIVIDU (*Sailing Instruction*)

1. PERATURAN

- 1.1 Kejohanan ini dianjurkan oleh MSSPP dan dikelolakan oleh Jawatankuasa Pembangunan Sukan Pelayaran di Pusat Latihan Sukan Air, Teluk Kumbar.
- 1.2 Bahasa Malaysia akan dijadikan bahasa rasmi kejohanan. Sekiranya belaku percanggahan dari segi maksud asal maka edisi Bahasa Inggeris digunakan.
- 1.3 Kejohanan akan dijalankan mengikut Undang-undang *ISAF Racing Rules Of Sailing 2017-2020*, Undang-undang *IODA Optimist Class Rule*, *International Laser Class Association (ILCA)*, Peraturan Pertandingan. Arahan Pertandingan ini disertakan pindaannya jika ada dan peraturan Am MSSPP.
- 1.4 Pihak juri yang dilantik oleh Pengelola Pertandingan akan menerima dan membuat keputusan di atas segala bantahan yang dikemukakan. Keputusan pihak juri adalah muktamad dan tidak tertakluk kepada sebarang rayuan.

2. JENIS PERTANDINGAN

- 3.1 Optimist Individu Bawah 15 Tahun – (Terbuka)
- 3.2 Optimist Individu Bawah 12 Tahun – (Terbuka)
- 3.3 Laser Radial individu – (Terbuka)
- 3.4 Laser 4.7 individu - (Terbuka)

4. PENYERTAAN

- 4.1 Syarat penyertaan adalah seperti yang tercatat di dalam peraturan am MSSPP 2018.
- 4.2 Setiap sekolah **wajib** untuk menghantar pengurus pasukan (guru) bagi menguruskan atlet masing – masing.

5. JADUAL PERTANDINGAN

TARIKH	MASA	PERIHAL KEJOHANAN
21 Feb 2018 Selasa	08.30	Pendaftaran atlet.
	09.00	Taklimat Keselamatan dan Taklimat Pertandingan.
	10.00	Persediaan peralatan
	11.00	Pertandingan Optimist & Laser
	18.00	Tamat pertandingan
22 Feb. 2018 Rabu	09:00	Taklimat Keselamatan dan Taklimat Pertandingan.
	10.00	Persediaan peralatan
	11.00	Pertandingan Optimist & Laser
	16.30	Tamat Pertandingan
	17.30	Majlis Penutup

* tertakluk kepada keadaan pasang surut dan tiupan angin.

6. NOTIS KEPADA PELAYAR

6.1 Maklumat untuk pelayar akan dipamerkan di Papan Kenyataan Rasmi Sekretariat Pertandingan di papan notis Kejohanan Pelayaran MSSPP 2018.

7. PINDAAN ARAHAN PERTANDINGAN

7.1 Sebarang pindaan di dalam Arahan Pertandingan yang diluluskan juri akan dimaklumkan kepada semua atlet.

8. KAWASAN DAN GELANGGANG PERTANDINGAN

8.1 Pertandingan akan dijalankan di sekitar perairan Teluk Kumbar, Pulau Pinang.

8.2 Bentuk gelanggang (*course*) yang akan digunakan untuk pertandingan acara individu kategori Optimist dan Laser. Ia akan meliputi laluan – laluan (*leg*) yang perlu dilalui dan susunan penanda- penanda (*boya*).

8.3 Sebelum pertandingan akan dimaklumkan kepada semua atlet tentang *course* yang akan digunakan.

8.4 Perahu yang tidak bermula dalam masa 03 minit selepas isyarat permulaan akan tidak bermula (*DNS*).

9. BOT PENANDA

- 9.1 Bot penanda akan diletakkan berhampiran set penanda. Bot ini akan menempatkan pegawai perlumbaan untuk memastikan setiap bot melalui penanda.
- 9.2 Kegagalan bot penanda untuk berada di lokasinya tidak boleh dijadikan bahan bantahan oleh peserta.

10. PERTUKARAN GELANGGANG SEMASA PERLUMBAAN

- 10.1 Sekiranya berlaku sebarang perubahan angin selepas pertandingan dimulakan, pegawai perlumbaan mungkin akan mengalihkan penanda. Sebarang penanda lain selepas itu mungkin dialihkan untuk mengekalkan bentuk gelanggang asal.

11. HAD MASA

- 11.1 Had masa untuk bot pertama menamatkan perlumbaan adalah 25 minit. Semua bot yang bertanding mesti menamatkan perlumbaan dalam had masa tersebut. Masa tambahan diberikan 5 minit untuk semua bot menamatkan perlumbaan selepas bot pertama melepasi garisan penamat. Sekiranya ada bot yang menamatkan perlumbaan selepas had masa tambahan tamat akan dikira tidak tamat (DNF).

12. BANTAHAN

- 12.1 Bot peserta yang ingin membuat bantahan (**protes**) hendaklah memaklumkan kepada pegawai perlumbaan di bot penamat sebaik sahaja melintasi garisan penamat sehingga diambil perhatian oleh pegawai berkenaan.
- 12.2 Masa mengemukakan bantahan tamat 10 minit selepas bot peserta terakhir tamat melintasi garisan penamat.

- 12.3 Keputusan pihak juri adalah muktamad dan tidak tertakluk kepada sebarang rayuan. Sebarang rayuan ke atas sebarang kerosakan peralatan dan kehilangan harta benda tidak di layan.

13. KIRAAN MATA

- 13.1 Kiraan mata adalah mengikut '*Low Points Scoring System*' RRS. **Tujuh** (7) perlumbaan dijadualkan, dan sekiranya tujuh perlumbaan ditamatkan, satu perlumbaan terburuk setiap pelayar boleh dipotong (*discard*). Sekiranya hanya enam perlumbaan atau kurang dapat ditamatkan, kesemuanya akan diambil kira.
- 13.2 Sekiranya ada '*tie*' antara dua bot atau lebih, bot yang mendapat keputusan kedudukan Nombor 1 (satu) terbanyak adalah pemenang, jika masih '*tie*' lagi, keputusan kedudukan No.2 terbanyak dan seterusnya. Jika masih '*tie*' lagi, perlumbaan terakhir akan di guna pakai.

14. KESELAMATAN

- 14.1 Semua pelayar hendaklah memakai jaket keselamatan (*buoyancy aid*) serta mempunyai **wisel** dan membawa pencedok air yang berikat ke bot untuk menimba air dari dalam bot. Pada *Bow* bot mesti mempunyai (*towing line*).
- 14.2 **Pengurus pasukan** dikehendaki menandatangani borang (*sign in / sign out*) sebelum turun ke laut. Masa terakhir untuk menandatangani borang tersebut adalah sebelum isyarat amaran pertandingan pertama setiap hari pertandingan bermula. Masa untuk mengambil semua pas dan menandatangani borang (*sign in / sign out*) akan ditutupkan 15 minit selepas bot terakhir mendarat.
- 14.3 Pelayar yang menarik diri dari perlumbaan hendaklah memberitahu Pegawai Perlumbaan sebelum balik ke darat atau setelah ke darat hendaklah memberitahu kepada sekretariat perlumbaan dengan segera.

- 14.4 Semua pelayar mesti sentiasa mematuhi peraturan disiplin yang digariskan sebagai seorang murid sekolah dan *RRS 69*, bagi memastikan pertandingan ini dapat berjalan dengan lancar.
- 14.5 Pegawai pasukan atau jurulatih atau pegawai teknikal atau pengadil hendaklah sentiasa memakai jaket keselamatan semasa berada di air. Kegagalan memakai jaket keselamatan menyebabkan pegawai berkenaan **tidak dibenarkan** turun ke air.

15. ALAT PERHUBUNGAN

- 15.1 Semua pelayar yang mengambil bahagian tidak dibenarkan membawa alat perhubungan semasa perlumbaan.

16. KESELAMATAN PERSENDIRIAN

- 16.1 Pihak penganjur dan mana-mana anggota dan persatuan yang terlibat di dalam menganjurkan pertandingan ini tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kecederaan, kerosakan, kehilangan atau tuntutan yang dibuat keatas persendirian atau peralatan semasa atau selepas kejohanan. Walau bagaimanapun, langkah-langkah keselamatan akan sentiasa diambil kira masa kejohanan.

17. HADIAH

- 17.1 Optimist Acara Individu - Bawah 15 tahun : Pertama hingga kelima
- 17.2 Optimist Acara Individu - Bawah 12 tahun : Pertama hingga kelima
- 17.3 Acara Individu Laser Radial : Pertama dan Kedua
- 17.4 Acara Individu Laser 4.7 : Pertama dan Kedua